

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 ()
Tarikh : April 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "TIDAK PERNAH ADA MYKAD" BERTARIKH 16 APRIL 2015, KHAMIS – M.S: 36 (LEMBAH KLANG)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Muhamad Abdullah berkenaan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.
3. Untuk makluman, berdasarkan semakan mendapati Encik Muhamad Abdullah telah mengemukakan permohonan daftar lewat kelahiran di JPN Daerah Klang pada 21/08/2014. Pihak JPN pernah mengeluarkan surat panggilan kuiru permohonan beliau pada 29/09/2014 berdasarkan alamat beliau semasa permohonan dikemukakan. Walau bagaimanapun beliau tidak hadir ke JPN Shah Alam bagi menyelesaikan kuiru tersebut.
4. Ingin dijelaskan juga, permohonan beliau tertangguh akibat beliau tidak hadir bagi sesi keterangan dan kini masih dalam semakan JPN untuk kepastian fakta dan kesahihan keterangan pemaklum dan saksi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)